

Unisza sedia terima pelajar Orang Asli

Oleh AIMUNI TUAN LAH
pengarang@utusan.com.my

GUA MUSANG 20 Mac - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) bersedia menerima pelajar Orang Asli yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selaras dengan hasrat penubuhannya sebagai sebuah universiti komuniti.

Dekan Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan universiti tersebut, Prof. Dr. Ramlee Abdullah berkata, setakat ini lebih 10 pelajar Orang Asli di seluruh negara sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang di universiti itu.

Beliau berkata, hampir 30 pelajar Orang Asli telah mendapat keputusan 5A ke atas dalam keputusan SPM baru-baru ini.

"Kita melihat pencapaian Orang Asli daripada tahun ke tahun semakin meningkat serta membanggakan.

"Segala usaha itu adalah kejayaan pihak kerajaan yang menyediakan prasarana dan guru yang membantu meningkatkan pencapaian akademik kaum itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan bantuan kepada pelajar cemerlang Orang Asli negeri ini, Ramilla Riched, 18, yang berasal dari Pos Hendrop di sini yang memperoleh 4A dalam peperiksaan SPM.

Tambah Ramlee, permohonan kemasukan pelajar ke universiti



Segala usaha itu adalah kejayaan pihak kerajaan yang menyediakan prasarana dan guru yang membantu meningkatkan pencapaian akademik kaum itu."

RAMLEE ABDULLAH

Dekan Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan Unisza

awam itu boleh dilakukan melalui sistem *UPU Online*.

Sementara itu, Ramilla berkata, dia berazam mahu mengubah kehidupan diri dan keluarganya.

Katanya, dia bercita-cita mengikuti pengajian dalam bidang Sains Kejururawatan untuk mengejar cita-citanya menjadi seorang jururawat.

"Saya akan berbincang dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JakoA) bagi memilih universiti yang layak untuk meneruskan pengajian.

"Saya sebenarnya masih terkejut kerana tidak menyangka mendapat keputusan cemerlang dan saya belum ke sekolah untuk mengambil slip peperiksaan kerana menjaga nenek yang sakit," katanya.



RAMLEE ABDULLAH (kiri) menunjukkan kursus dan bidang yang ditawarkan di Unisza kepada Ramilla Riched dan bapanya, Riched Sabun di Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH